



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**UCAPAN**

**YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM**

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN SEMINAR KEBANGSAAN MAKPEM 2017**

**HOTEL BERJAYA TIMES SQUARE, KUALA LUMPUR**

**8 APRIL 2017 (SABTU)**

## **[SALUTASI]**

Hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

## **MUKADIMAH**

1. Alhamdulilah bersyukur ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan Limpah izinNYA dapat kita berhimpun di Majlis Perasmian Seminar Kebangsaan MAKPEM pada pagi yang berbahagia ini. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak MAKPEM yang telah memberi peluang kepada saya untuk merasmikan seminar ini.
  
2. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pihak MAKPEM yang telah berusaha untuk mengadakan seminar ini khususnya bagi memberi manfaat kepada badan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) . Saya percaya forum seperti ini yang diadakan dari semasa ke semasa dapat merapatkan silaturrahim dalam kalangan ahli-ahli NGO selain daripada memberi peluang kepada kita untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman. Forum ini juga merupakan satu platform

terbaik untuk mewujudkan kerjasama erat di antara kerajaan dengan NGO bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian rakyat.

3. Bersesuaian dengan tema seminar pada kali ini iaitu “*Social Protection & Sustainable Development*” – *Empowering Older Persons*” Kementerian komited untuk mengkaji dan membincangkan cabaran serta peranan yang perlu dimainkan oleh semua iaitu kerajaan, NGO dan masyarakat dalam memartabatkan kesejahteraan warga emas, selaras dengan usaha negara menyusun atur polisi berkaitan perlindungan sosial (*social protection*) dan Sustainable Development Goals (SDGS), serta persiapan negara menghadapi cabaran negara penuaan (*aged nation*) menjelang 2030. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada MAKPEM kerana mencurahkan bakti dan usaha untuk menjayakan seminar yang amat bermakna ini.

## **MALAYSIA SEBAGAI NEGARA TUA**

Hadirin yang dihormati,

4. Bancian penduduk dan perumahan Malaysia tahun 2000 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mendapati terdapat seramai 1.4 juta orang warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas atau 6.1% daripada jumlah keseluruhan penduduk (iaitu 23.5 juta orang) berbanding dengan banci penduduk dan perumahan Malaysia terkini yang dijalankan pada tahun 2010, warga emas merupakan 2.3 juta

orang atau 7.9% daripada jumlah keseluruhan penduduk (iaitu 28.6 juta orang).

5. Sementara itu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengunjurkan bahawa sesebuah negara akan menjadi status negara tua apabila penduduk warga emasnya (berumur 60 tahun dan ke atas) mencapai 15 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk. Berdasarkan kepada unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia, **negara kita dijangka mencapai status negara tua pada tahun 2030** di mana penduduk negara akan mencapai 38.1 juta orang dan 15.3 peratus atau 5.8 juta orang merupakan warga emas. Justeru, Malaysia akan menjadi sebuah negara tua menjelang Rancangan Malaysia ke-14.
6. Menyedari hakikat ini serta keperluan semasa dan cabaran masa hadapan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil pelbagai inisiatif untuk bersedia ke arah tersebut.

## KOMITMEN DAN INISIATIF KERAJAAN

7. Komitmen dan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan adalah **berteraskan Sustainable Development Goal atau Agenda 2030** iaitu dengan objektif untuk membina masyarakat yang inklusif di mana tiada yang terpinggir atau “*leave no one behind*”. Sehubungan itu, isu penuaan merupakan salah satu isu utama yang perlu diberi penekanan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun arena antarabangsa bagi

menjamin kesejahteraan warga emas dan meningkatkan kesejahteraan mereka.

8. Dalam hal ini, sebagai persiapan ke arah negara tua menjelang tahun 2030, Kerajaan melalui KPWKM telah menyediakan **Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara** yang merangkumi aspek sosial, ekonomi, kesihatan, pendidikan, persekitaran, pekerjaan dan penyelidikan. Setiap aspek ini diperincikan bagi memastikan tiada segmen yang terlepas pandang untuk memastikan kesejahteraan warga emas terjamin.
9. Keprihatinan Kerajaan mengenai warga emas juga **dizahirkan dan diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11)** di mana beberapa strategi telah dirangka di bawah teras strategik pertama iaitu “Memperkuuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama” bagi menjamin penuaan yang aktif, produktif dan berdikari. Antara strategi utamanya adalah menambah baik persekitaran yang menyokong warga emas termasuk menyediakan infrastruktur mesra warga emas dan menambah baik khidmat penjagaan; menyelaras dan menyepadu perlindungan sosial untuk warga emas miskin bagi memastikan kualiti hidup yang lebih baik; serta memperluaskan program pembelajaran warga emas dengan menggalakkan penglibatan pertubuhan bukan kerajaan.
10. Kita semua sedia maklum bahawa Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan salah satu agensi utama yang

bertanggungjawab dalam pembangunan sosial negara. Namun begitu, kementerian dan JKM tidak mampu melaksanakan tanggungjawab ini secara bersendirian memandangkan tugas ini amat berat dan kompleks. Bagi melaksanakan tanggungjawab ini dengan sempurna, kita perlu **berganding bahu** dengan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, pihak swasta, komuniti dan NGO selaras dengan konsep "**Kebajikan Tanggungjawab Bersama**" yang amat dititikberat oleh pihak kementerian. Saya juga ingin memberi penekanan terhadap pembangunan secara inklusif dengan mengguna pakai pendekatan track berkembar (*twin track approach*) yang mana strategi ini amat efektif dan berorientasikan kepada pemerkasaan dan pengupayaan kepada kumpulan sasar.

## **SASARAN OUTCOME SEMINAR**

Hadirin yang dihormati,

11. *Outcome* yang diharapkan daripada seminar ini adalah **perkhidmatan yang lebih berkualiti dan profesional** terhadap kumpulan sasar warga emas dapat disediakan. Salah satu aspek dalam penentuan perkhidmatan yang berkualiti adalah keupayaan dari segi **ilmu pengetahuan dan kemahiran** warga kerja NGO dalam pelaksanaan program dan perkhidmatan kerana ianya memberi impak yang besar terhadap keberkesanan perkhidmatan yang disediakan.
  
12. Sehubungan itu, saya amat bangga atas usaha yang dijalankan oleh MAKPEM untuk meningkatkan kemahiran warga kerja NGO melalui

program latihan yang dijalankan. Kerajaan melalui JKM menyokong usaha MAKPEM dengan pemberian geran tahunan kepada MAKPEM bagi membantu pelaksanaan program latihan kepada warga kerja NGO. Melalui usaha sama ini, MAKPEM telah berjaya memberi pengetahuan dan meningkatkan kemahiran warga kerja NGO dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelbagai kumpulan sasar.

Hadirin yang dihormati,

13. Sebagai kesimpulan, kesejahteraan sosial dan pembangunan yang dinikmati oleh rakyat Malaysia pada masa ini adalah hasil titik peluh dan usaha gigih generasi terdahulu yang kini menjadi warga emas. Sehubungan itu, adalah menjadi obligasi sosial dan komitmen kerajaan dengan kerjasama NGO/sektor swasta untuk menyediakan persekitaran kondusif sebagai tanda pengiktirafan bagi membolehkan warga emas kita menua secara aktif, produktif dan sihat.
  
14. Kepada semua peserta seminar pada hari ini, saya ingin mengucapkan selamat maju jaya dalam mencari ilmu yang akan dikongsikan bersama dan besarlah harapan saya supaya tuan-tuan dan puan-puan dapat memperoleh informasi dan pendekatan/strategi terkini dalam membantu kumpulan sasar masing-masing. Semoga segala input yang diperolehi ini akan memantapkan lagi NGO terutama dari sudut perkhidmatan mengikut keperluan golongan sasar. Saya juga berharap agar semangat kita sebagai rakan strategik akan terus dipertingkatkan lagi demi kesejahteraan kumpulan sasar.

15. Akhir kata, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada MAKPEM dan seluruh jawatankuasa kerja serta semua yang terlibat dalam menjayakan seminar ini. Sesungguhnya dengan jalinan kerjasama yang erat dan padu daripada semua pihak maka majlis ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.
16. Dengan lafaz Bismillahirahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar “*Social Protection & Sustainable Development – Empowering Older Persons*” pada pagi ini.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.